

**NO. SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8230**

**SOALAN:**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) apakah status tindakan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan bagi menangani masalah IC Palsu di negeri Sabah pada hari ini. Apakah perancangan yang telah direncana dan apakah tindakan yang telah diambil; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan perkara seperti ini tidak lagi berlaku di masa hadapan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Sepertimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah sebagai susulan kepada pendedahan dapatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah pada 3 Disember 2014. Jawatankuasa ini mempunyai struktur dua (2) 'tier', iaitu Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan bersama oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan.**

**Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah ini didapati telah memberikan kesan yang positif kerana aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui penyelarasan oleh agensi peneraju iaitu Majlis Keselamatan Negara, Sabah. Sejak Januari hingga September 2015, jawatankuasa ini telah mengadakan 18 siri Operasi Bersepadu yang melibatkan seramai 7,546 orang individu telah diperiksa dan daripada jumlah tersebut, 2,944 orang telah ditahan reman. Komitmen Kerajaan untuk mengatasi banjiriran warga asing ini jua dapat dilihat melalui program penghantaran pulang Pendatang Asing**

**Tanpa Izin (PATI) seramai 21,945 orang semenjak Januari hingga September 2015 dengan pecahan 17,128 orang dari Filipina, 4,615 orang dari Indonesia dan 202 orang dari lain-lain negara.**

**Selain daripada itu, bagi meningkatkan kesedaran di kalangan orang awam, maka agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sabah dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) telah menggandakan usaha untuk mendekati masyarakat. ESSCOM melalui 19 programnya yang bermula pada Januari hingga September 2015 telah melaksanakan program penerangan isu-isu keselamatan dan warga asing di Sabah. Di samping itu, sehingga September 2015, JPN juga melalui Unit Khas Bergeraknya telah melaksanakan sebanyak 97 program khidmat nasihat dokumen pengenalan diri di seluruh negeri Sabah.**

- (b) Adalah wajar untuk kita turut sama mengambil maklum bahawa Suruhanjaya Siasatan juga mendapati JPN telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan dan menambahbaik sistemnya secara berterusan dalam menangani isu dokumen pengenalan diri oleh sindiket atau individu tertentu. Penambahbaikan ini termasuklah pengeluaran Kad Pengenalan secara berpusat (*centralisation*) dengan menggunakan Sistem Pengecaman Cap Jari Bersepadu (*Automated Fingerprint Identification***

**System – AFIS), langkah-langkah menambahbaik tatacara pengendalian *standard* pengeluaran Kad Pengenalan dengan memperkenalkan ciri-ciri keselamatan yang baik serta berkesan, penubuhan Unit Khas Sabah dan Sarawak untuk menangani permohonan Kad Pengenalan bermasalah serta memanfaatkan *Agency Link-Up Information System* (ALIS) dan MyIDENTITY di antara agensi Kerajaan dalam penentusahan maklumat yang meragukan.**

Selain itu, Kerajaan juga telah membuat penambahbaikan ciri-ciri keselamatan MyKad Struktur Baru seperti telah diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf serta mempunyai kualiti yang lebih tinggi. Di samping itu, cip MyKad Struktur Baru ini telah melalui beberapa peringkat pengujian termasuklah sebelum proses memasukkan cip ke dalam MyKad. Antara ciri-ciri keselamatan lain yang terdapat pada MyKad Struktur Baru adalah seperti turisan *laser* pada nama, nombor Kad Pengenalan dan gambar kecil (*ghost image*) yang tidak membolehkan maklumat dipinda dengan mudah dan sekiranya terdapat pindaan, pindaan tersebut dapat dikesan dengan mudah.